

27 FEB 1998

USAHA DIPLOMATIK TINGKATKAN EKONOMI NEGARA MEMBANGUN DI AFRIKA

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Malaysia, Perancis dan Jepun telah melancarkan usaha diplomatik untuk membantu ekonomi negara-negara yang kurang membangun di Afrika.

Wakil Khas Perdana Menteri Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar berkata perkara itu telah dibincangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Perancis Jacques Chirac semasa Chirac melawat Langkawi November lepas.

Dr Mahathir juga telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto mengenai perkara yang sama, kata Ahmad Kamil.

Beliau berkata demikian selepas menerima anugerah "Ordre National du Merite" daripada Duta Perancis ke Malaysia Eduoard Braine di kediaman duta itu di sini malam ini.

Ahmad Kamil merupakan rakyat Malaysia pertama yang menerima anugerah tertinggi Perancis itu, yang mula diwujudkan pada 1963. Ia dianugerahkan kepada rakyat asing yang memberi perkhidmatan cemerlang dalam meningkatkan hubungan dengan Perancis.

Ahmad Kamil, bekas ketua setiausaha Kementerian Luar, berkata beliau terharu dengan penganugerahan itu dan berharap hubungan antara Malaysia dan Perancis dapat dipereratkan lagi pada masa depan.

Turut hadir isteri beliau, Puan Sri Lena Kamil.--BERNAMA

APG oba